

EK

ECONEWS

M'SIA PERCAYA "CAMPURTANGAN" DI PASARAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Malaysia percaya sedikit campurtangan di pasaran untuk melindungi pelaburan oleh rakyat tempatan dan asing di negara ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata.

"Sementara kami ingin mengurangkan peraturan dan mempunyai dasar tidak campur tangan, kadangkala kami perlu campur. Anda patut menganggap ini sebagai jaminan yang bila anda melabur wang anda di Malaysia, anda juga mempunyai sokongan kerajaan," tambahnya.

Menjawab satu soalan daripada peserta persidangan antarbangsa mengenai +Malaysia: Kuasa Ekonomi Dekad 90-an+ di sini hari ini, Dr Mahathir berkata: "Kerajaan akan mengawasi anda dan memastikan anda tidak terjejas," katanya.

Beliau berkata bahawa sementara sektor swasta telah meminta kerajaan mengurangkan peraturan pasaran, mereka (sektor swasta) kadangkala, boleh dipertanggungjawabkan terhadap salah laku di pasaran.

Mereka boleh memulakan khabar angin yang akan menaikkan atau menurunkan nilai matawang, bergantung kepada bagaimana mereka boleh meraih untung daripada pergerakan itu, katanya sambil menambah bahawa Bank Negara terpaksa campur tangan untuk mengawasi keadaan.

"Misalnya, terdapat satu khabar angin kononya matawang Malaysia hampir diturunkan nilai dan kemudian seolah-olah nilai ringgit turun. Kita terpaksa berbuat sesuatu mengenainya" kata Dr. Mahathir.

"Saya fikir orang ramai patut merasa gembira yang kerajaan terus berminat dan mempunyai semangat tanggungjawab untuk memastikan pasaran berjalan dengan betul. Jika kita campurtangan, ia adalah kerana keperluan," katanya.

"Kami tidak suka persaingan terlalu berlebihan yang akan menyebabkan syarikat-syarikat menjadi muflis. Misalnya pengurangan peraturan di dalam industri penerbangan Amerika Syarikat telah mengakibatkan lebih banyak kemuflihan daripada mendatangkan faedah."

"Apabila syarikat muflis kerajaan kerugian wang. Kita perlu syarikat itu berjaya supaya ia boleh memperolehi keuntungan dan kita boleh cukai keuntungan mereka," katanya.

Ditanya sama ada sikap berterusterangnya mempunyai sebarang kesan ke atas pelaburan di sini, Dr. Mahathir berkata beliau tidak mendapati orang kehilangan minat terhadap negara ini hanya kerana sikap beliau itu. -- Bernama